

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

Untuk Soalan 1 hingga Soalan 20, bulatkan jawapan yang betul.

1. Orang beragama Islam menjadikan amalan _____
 - A. berpuasa selama sebulan dalam Ramadan
 - B. sujud di hadapan kitab suci Granth Sahib
 - C. Sujud di hadapan patung Buddha
 - D. membasuh kaki sebelum memasuki kuil

2. Tuak yang biasanya dijamu semasa melawat ke rumah panjang boleh ditukar kepada minuman jenis lain untuk menjaga _____ masyarakat beragama lain?
 - A. maruah
 - B. kesihatan
 - C. sensitiviti
 - D. keadaan

3. Upacara keagamaan sesuatu kaum perlulah difahami dan _____ oleh penganut lain untuk mewujudkan keharmonian dalam masyarakat?
 - A. Dikeji
 - B. Dihormati
 - C. Dihina
 - D. Diejek

4. Individu yang berfikir _____ dan mementingkan orang lain akan melahirkan masyarakat yang aman dan damai?
 - A. Kolot
 - B. Positif
 - C. Bebas
 - D. Negatif

5. Kita perlulah menjaga maruah agar _____ tidak tercalar dan dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya.
- A.harga barang
 - B. harga murah
 - C. harga lelong
 - D.harga diri
6. Hargailah segala jasa pejuang-pejuang negara yang sanggup mengorbankan _____ .dan raga untuk mempertahankan negara.
- A.jiwa
 - B.wang
 - C.bakul
 - D.tenaga
7. Ketekunan dan _____ perlulah diamalkan dalam diri setiap individu agar setiap tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan sempurna?
- A.kegigihan
 - B.kemalasan
 - C.keupayaan
 - D.ketenangan
8. Bakir disukai oleh penduduk kampung kerana dia selalu _____ untuk membantu penduduk yang memerlukan bantuan.
- A. sakit tulang
 - B. berat tulang
 - C. patah tulang
 - D. ringan tulang
9. Orang yang sentiasa mengamalkan nilai baik hati akan sentiasa memberikan sumbangan dengan _____ untuk kebaikan orang lain.
- A.ikhlas
 - B.berani
 - C.sambil lewa
 - D.bertanggungjawab

10 Raju pergi ke kuil untuk bersembahyang. Apakah agama Raju?

- A. Islam
- B. Kristian
- C. Hindu
- D. Buddha

11. Murid yang mempunyai budi pekerti _____ akan disukai oleh rakan-rakan dan guru-guru.

- A. sederhana
- B. rendah
- C. lemah
- D. mulia

12. Sesuatu masalah yang dihadapi di sekolah perlulah diselesaikan dengan cara _____ bersama guru.

- A. bercerita
- B. bergaduh
- C. berbincang
- D. bermasam muka

13 Yang manakah antara yang berikut **bukan** prinsip Rukun Negara ?

- A. Kesopanan dan kesusilaan
- B. Kedaulatan Undang-undang
- C. Kepercayaan kepada Tuhan
- D. Kepatuhan kepada ketepatan masa

14, Pakaian yang dipakai perlulah _____ ketika menghadiri majlis pengebumian.

- A. seksi
- B. sopan
- C. mencolok mata
- D. berwarna warni

15. Murid yang menghormati guru akan memberi _____ ketika guru mengajar.

- A. tumpuan
- B. layanan
- C. jeritan
- D. wang

16. Pembakaran secara terbuka boleh menyebabkan pencemaran _____ dan merosakkan kualitinya.

- A. air
- B. udara
- C. tanah
- D. sungai

Micky telah ditahan oleh pengawas kerana datang lewat ke sekolah. Dia telah mengugut akan memukul pengawas tersebut selepas waktu persekolahan

17. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pengawas itu ?

- A. Menampar muka Micky
- B. Melaporkan hal itu kepada guru
- C. Mengajak rakan pengawas memukul Micky
- D. Memarahi Micky dengan mengeluarkan kata-kata kesat

18. Berbaik-baik dengan jiran akan mewujudkan _____ dalam kehidupan bermasyarakat.

- A. perselisihan
- B. pergaduhan
- C. kemesraan
- D. kemarahan

19. Individu yang bekerjasama dengan pihak berkuasa akan dapat mengurangkan jenayah dan menjamin _____ Negara.

- A. maruah
- B. keamanan
- C. kepimpinan
- D. keruntuhan

20. Berikut merupakan amalan-amalan yang baik dan mulia, kecuali _____.

- A. memukul haiwan
- B. membantu ibu
- C. bersedekah
- D. menderma

BAHAGIAN B (10 MARKAH)

GARISKAN JAWAPAN YANG BETUL

1. Penggunaan semula bahan buangan haruslah diteruskan untuk mengatasi kekurangan (sumber, keindahan, kebersihan) alam.

2. Setiap individu hendaklah menerima dan mematuhi (nasihat, peraturan, sokongan) yang telah ditetapkan.

3. Anak yang baik dan bertanggungjawab akan mengelakkan diri daripada gejala (positif, negatif, sombong) yang memalukan keluarga.

4. Masyarakat yang prihatin akan memastikan (bas awam, kemudahan awam, rumah awam) tidak dirosakkan oleh individu yang tidak bertanggungjawab.

5. Kita hendaklah (bekerjasama, sendiri, berasingan) untuk memupuk perpaduan masyarakat yang pelbagai bangsa.

6. Orang yang memegang prinsip bersih, cekap dan amanah tidak akan menerima (hadiah, rasuah, kasih sayang).

7. Kebersihan tempat tinggal adalah (tanggapan, jawapan, tanggungjawab) setiap anggota masyarakat agar kesihatan akan terjamin.

8. Kesejahteraan hidup bermasyarakat akan dapat dicapai jika setiap anggota masyarakat bertolak ansur dan (bekerjasama, ambil kerja, mengerjakan).

9. Individu yang peka terhadap isu-isu social akan sentiasa (leka, membiarkan, prihatin) terhadap masalah yang berlaku di sekitar mereka.

10. Kita perlu (memarahi, membantu, mengutuk) mangsa bencana alam.